https://doi.org/ 10.47548/ijistra.2026.126
Vol. 7 No. 13 (OCT 2026)

IJISTRA
International Journal of Interdisciplinary and Strategic Studies

Peranan Pendidikan dalam Meledakkan Potensi Insan: Analisis Perbandingan Konsep Insaniah dalam Konteks Islam dan Humanisme Barat

The Role of Education in Unlocking Human Potential: A Comparative Analysis of the Concept of Insaniah in Islam and Western Humanism

Nur Irdina Hakimah NorAzali[ⓘ] & Dr Nornajwa Ghazali

Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR)
Jln Medan Pusat Bandar 7A, Seksyen 9, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor
([ⓘ]*Corresponding author: hakimah.norazali@live.iium.edu.my*)

ABSTRACT

Pendidikan memainkan peranan penting sebagai wadah utama dalam membangun, membentuk dan meledakkan potensi sebenar insan merentasi pelbagai peradaban manusia. Namun, kajian lepas lazimnya membincangkan falsafah pendidikan dari perspektif Islam dan kritikan terhadap humanisme Barat secara berasingan, manakala perbandingan merentasi peradaban yang dikaitkan secara langsung dengan pembangunan potensi insan masih terhad. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan menganalisis peranan pendidikan dalam membangunkan potensi insan melalui perbandingan falsafah dan matlamat pendidikan dalam peradaban agung dunia, iaitu peradaban Cina yang berteraskan Konfusianisme, India Kuno melalui Sistem Vedik, Yunani menerusi konsep *Paideia*, serta peradaban Islam yang berpaksikan wahyu. Pendekatan kualitatif telah digunakan melalui kaedah kajian kepustakaan, analisis dokumen, diskusi ilmiah dan penyertaan dalam wacana berkaitan falsafah pendidikan. Data diperoleh daripada al-Quran, buku ilmiah, artikel jurnal, penulisan akademik serta maklumat yang relevan daripada perbincangan ilmiah. Data dianalisis secara deskriptif dan perbandingan bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan falsafah pendidikan dari aspek hakikat manusia, sumber ilmu dan matlamat pembangunan potensi insan. Kajian ini turut menganalisis pertembungan antara konsep *Insaniah* dalam Islam dengan humanisme Barat serta implikasinya terhadap epistemologi pendidikan, khususnya berkaitan isu dikotomi ilmu dan sekularisme. Dalam konteks pendidikan kontemporari, kajian ini turut meneliti cabaran orientasi pendidikan yang dipengaruhi oleh nilai-nilai komersial dan materialistik. Berdasarkan analisis tersebut, kajian ini mencadangkan falsafah pendidikan insaniah yang mengintegrasikan pembangunan potensi diri secara seimbang, menyeluruh dan bersepadu bagi melahirkan 'insan budiman' yang menguasai pelbagai *malakah* (potensi). Kerangka ini mengetengahkan pentingnya penyepaduan ilmu, akhlak dan amal bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat serta melaksanakan amanah sebagai hamba dan khalifah Allah SWT di muka bumi.

KEYWORDS:
Pendidikan, Potensi Insan, Insaniah, Humanisme, Peradaban

Received: Aug 27, 2026 Accepted: Oct 15, 2026 Published Oct 30, 2026

ABSTRAK

Education is the principal means of developing, shaping, and unleashing the true potential of human beings across civilizations. Previous studies, however, have generally treated Islamic philosophy of education and the critique of Western humanism separately, while cross-civilizational comparisons linked directly to human potential remain limited. This study therefore examines the role of education in developing human potential by comparing the philosophies and aims of education in major world civilizations: Confucian China, Vedic Ancient India, Greece through the concept of Paideia, and Islamic civilization anchored in revelation. A qualitative approach was adopted, combining library research (reviewing the prior literature), document analysis, scholarly discussions, and participation in discourse on the philosophy of education. Data drawn from the Qur'an, scholarly books, journal articles, and academic discussions were analyzed descriptively and comparatively in terms of human nature, sources of knowledge, and the aims of developing human potential. The study also analyzes the encounter between the Islamic concept of Insaniah and Western humanism and its implications for educational epistemology, particularly the dichotomy of knowledge and secularism. It further examines the challenge of contemporary education driven by commercial and materialistic values. Based on this analysis, the study proposes a philosophy of pendidikan insaniah *that integrates balanced, holistic, and unified self-development to nurture the insan budiman, a person who masters multiple malakah (potentials). This research underscores the integration of knowledge, character, and practice to attain happiness in this world and the hereafter and to fulfill the trust of being a servant and vicegerent of Allah SWT on earth.*

KATA KUNCI:
Education, Human Potential, Insaniah, Humanism, Civilization

1.0 Pengenalan

Pendidikan terhadap manusia berlaku sejak azali lagi setelah Allah SWT menciptakan Nabi Adam AS, sebagaimana yang terkandung di dalam surah al-Baqarah ayat ke-31, yang menerangkan bagaimana Allah SWT mengajar Nabi Adam segala nama benda yang terdapat di dalam dunia ini yang bakal dihuninya. Tujuan pengajaran ini ialah untuk kemudahan Nabi Adam AS dan zuriatnya tinggal di dunia sehingga hari kiamat. Hal ini jelas menunjukkan bahawa Islam amat menitikberatkan konsep menuntut ilmu kepada setiap manusia.

وَعَلَّمَ اٰدَمَ الْاَسْمَاۤءَ كُلَّهَا ثُمَّ عَرَضَهُمْ عَلَى الْمَلٰۤىِٕكَةِ فَقَالَ اَنْۢبِـُٔوْنِيْ بِاَسْمَاۤءِ هٰٓؤُلَاۤءِ اِنْ كُنْتُمْ صٰدِقِيْنَ

"Dan Dia mengajarkan kepada Adam nama-nama (benda) semuanya, kemudian Dia perlihatkan kepada para malaikat, seraya berfirman, "Sebutkan kepada-Ku nama semua (benda) ini, jika kamu yang benar!"."(Surah Al-Baqarah: 31)

Pendidikan juga merupakan salah satu teras penting dalam pembinaan dan kelangsungan sebuah peradaban (Mohd Shahran, 2023; Mishra, 2021). Dalam hal ini, pemikiran Ibn Khaldun melalui al-Muqaddimah turut memberikan perhatian terhadap ilmu, pendidikan dan pembentukan manusia sebagai unsur penting dalam perkembangan masyarakat dan peradaban. Ilmu yang berkembang dalam sesebuah masyarakat bukan sahaja meningkatkan keupayaan individu, malah menyumbang kepada pembentukan kehidupan sosial yang lebih tersusun dan maju (Mohamed Noh, 2010; Mishra, 2021). Oleh itu, pendidikan perlu dilihat sebagai tunggak dalam pembinaan peradaban. Hal ini kerana melalui proses pendidikan, manusia dipersiapkan untuk mengembangkan ilmu, membentuk keperibadian, melaksanakan amanah, dan seterusnya mencorakkan masa hadapan sebuah bangsa (Ibn Khaldun, 1958).

Pendidikan dalam peradaban manusia seperti peradaban Cina (Mishra, 2021) , India (Nandram et al., 2021; Thakur, 2022), Barat (Krasnodębski, 2022; Miller, 2007; Säfström, 2019) dan Islam (Ibn Khaldun, 1958; Halstead, 2004) memperlihatkan hubung kait yang rapat antara pendidikan dan pembinaan potensi insan. Setiap peradaban mengetengahkan makna insan yang berbeza berdasarkan kerangka epistemologi peradaban masing-masing. Kerangka epistemologi inilah yang membentuk makna dan tujuan pendidikan dalam membangunkan bangsa itu sendiri. Walau bagaimanapun, pendidikan moden tidak lagi meletakkan pembinaan ilmu dan insan sebagai teras utama dalam pendidikan, berikutan duplikasi acuan falsafah Barat yang berasaskan humanisme yang tidak membawa manusia mengenali hakikat keinsanannya dan amanah sebagai khalifah. Tambahan, keterikatan pendidikan dengan acuan Barat menyebabkan hasil pendidikan hari ini banyak mengangkat nilai-nilai "*commercialization*" yang hanya memberi keuntungan kepada golongan elit global kapitalis[1]. Bertitik tolak daripada falsafah Barat ini, indikator kecemerlangan manusia diukur hanya menerusi aspek material dan mengikut keperluan industri yang akhirnya tidak berupaya membangunkan potensi insan secara menyeluruh (Sardar & Henzell-Thomas, 2017).

Dalam pada itu, kajian lepas lazimnya membincangkan falsafah pendidikan Islam dan kritikan terhadap humanisme Barat secara berasingan, manakala perbandingan merentasi peradaban yang dikaitkan secara langsung dengan pembangunan potensi insan masih terhad. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menganalisis peranan pendidikan dalam membangunkan potensi insan melalui perbandingan falsafah dan matlamat pendidikan dalam peradaban Cina, India Kuno, Barat (Yunani), dan Islam. Perbandingan ini turut meneliti pertembungan antara falsafah insaniah dan humanisme Barat dari aspek epistemologi dan faham insan bagi memahami kesannya terhadap makna pendidikan dan pembangunan potensi insan. Justeru, artikel ini menghuraikan permasalahan semasa dalam pendidikan daripada perspektif yang lebih mendalam, iaitu epistemologi dan faham insan dalam Islam dan Barat dengan membandingkan falsafah insaniah dan humanisme Barat bagi memahami kesannya terhadap makna pendidikan dan pemahaman pembangunan potensi insan. Berdasarkan permasalahan yang berlaku dalam falsafah pendidikan hari ini, maka definisi, falsafah serta *tasawwur* pendidikan perlu diungkap semula berdasarkan falsafah ilmu dan falsafah peradaban insaniah.

2.0 Tinjauan Makna dan Tujuan Pendidikan dalam Peradaban Manusia

Pendidikan sangat penting dalam pembinaan peradaban sehinggakan setiap peradaban manusia mempunyai takrifan pendidikannya tersendiri. Dalam sejarah falsafah dan pemikiran Cina, terdapat sekurang-kurangnya empat aliran besar, iaitu aliran Konfusianisme (Confucius, 1979), aliran Taoisme (Laozi, 1963), aliran Maoisme (Mao, 1965) dan aliran Legalisme (Han Feizi, 2003). Aliran Konfusius paling memberi kesan kepada rakyat dan bangsa Cina serta dikenali oleh dunia luar Cina. Tujuan pendidikan Konfusius adalah untuk membawa pembaharuan dalam masyarakat melalui pelaksanaan pendidikan kepada semua anggota masyarakat, serta dilaksanakan melalui perkembangan personaliti dan individu secara menyeluruh (Sun, 2008). Menurut Konfusius, untuk memperbaiki keadaan masyarakat, ia perlu bermula dengan perubahan dalam diri sendiri melalui pendidikan. Pendidikan yang baik sekaligus melahirkan kerajaan yang baik dari sudut pandang politik (Gardner, 2007; Tan, 2017; Wang, 2004). Pendidikan bukanlah semata-mata lulus peperiksaan, tetapi mendidik manusia supaya moral dan minda mereka dapat dibangunkan (Kim, 2003; Wang, 2004).

Manakala sistem pendidikan pertama yang berkembang di India Kuno dikenali sebagai sistem Pendidikan Vedik bersumberkan kepada Vedas yang bermaksud pengetahuan dan menjadi rujukan

[1] Elit merujuk kepada sekumpulan kecil manusia yang menduduki status hieraki yang tinggi dalam masyarakat, mendapat pendidikan elit di sekolah-sekolah elit atau universiti elit, lahir dari keluarga aristokrat (Mills, 1956) dan hidup di dalam suasana "*the superior race*"(AP Podcast, 2023). Elit global bermaksud golongan elit ini mempunyai jaringan antarabangsa (IRIS Institute, 2024). Kapitalis pula bermaksud penguasaan modal yang membolehkan keluarga-keluarga elit mempunyai kekayaan yang sangat besar (Robinson & Harris, 2000).

kepada falsafah kehidupan India (Mookerji, 1969; Scharfe, 2002). Selain itu, budaya India terletak pada 4 Veda iaitu *Rig-Veda, Samveda*, *Yajurveda*, dan *Atharev*eda (The Rig Veda, 1981). Objektif utama Pendidikan Vedik ialah pembangunan fizikal, moral dan intelektual bagi mencapai "*salvation*" menerusi kaedah seperti Yoga, "*attention*" dan "*concentration*" (Kumari, 2017; Mookerji, 1969). Dalam tempoh pendidikan ini, pengetahuan terbahagi kepada dua iaitu pengetahuan tentang "*worldly and other worldly"* (Upaniṣads, 1996). Pendidikan tamadun India sangat menekankan aspek agama sebagai sumber pendidikan, di samping golongan beragama, iaitu Brahmin, sebagai pendidik. Golongan yang berilmu dianggap sebagai golongan yang mulia dan menduduki posisi tertinggi dalam masyarakat (Scharfe, 2002). Selain itu, penekanan ilmu dalam tamadun India juga berkait rapat dengan keperluan agamanya. Walaubagaimanapun, akses pendidikan tamadun India hanyalah terhad kepada golongan yang terpilih sahaja iaitu kepada kasta yang tertinggi (Kumari, 2017; Scharfe, 2002).

Selain itu, dalam Tamadun Yunani, pendidikan mempunyai hubungan yang erat dengan pembentukan manusia ideal serta kehidupan masyarakat dan negara (Aristotle, 1998; Curren, 2010) . Konsep pendidikan Yunani tidak hanya tertumpu kepada penguasaan ilmu pengetahuan, tetapi turut memberi perhatian kepada pembangunan fizikal, intelektual, moral dan sosial manusia (Krasnodębski, 2022; Marrou, 1956). Dalam konteks Athens, pendidikan atau paideia menekankan pembentukan individu yang berfikir secara kritis (Jaeger, 1945; Miller, 2007) . Pendidikan juga merangkumi bidang seperti falsafah, muzik, kesusasteraan, gimnastik dan retorik bagi membangunkan keupayaan manusia secara menyeluruh. Pendidikan dalam Tamadun Yunani dapat dilihat sebagai suatu proses pembentukan manusia yang mampu mencapai kehidupan yang baik serta menyumbang kepada kesejahteraan negara (Jaeger, 1945).

Dalam peradaban Islam pula, pendidikan mempunyai makna yang lebih menyeluruh kerana berasaskan pandangan alam yang berpaksikan wahyu (Al-Attas, 1980; Wan Daud, 1998). Pendidikan dalam Islam bukan sekadar proses pemindahan ilmu atau pembangunan intelektual manusia, bahkan merupakan proses pembentukan insan yang seimbang dari aspek jasmani, rohani, intelek dan akhlak (Al-Attas, 1979; Halstead, 2004). Pendidikan bertujuan melahirkan insan yang mengenali dan *ubudiyyah* kepada Allah SWT, mempunyai akhlak yang baik serta mampu melaksanakan tanggungjawab khalifah di muka bumi. Dengan demikian, pendidikan di dalam peradaban menekankan keseimbangan kehidupan dunia dan akhirat. Ilmu tidak dipisahkan daripada keimanan dan akhlak kerana kedua-duanya mempunyai hubungan yang erat dalam pembentukan insan (Al-Attas, 1980; Sahin, 2018; Wan Daud, 1998).

Berdasarkan tinjauan terhadap pendidikan dalam beberapa peradaban manusia, pendidikan pada asasnya mempunyai tumpuan yang sama, iaitu membentuk manusia dan membangunkan masyarakat. Namun, matlamat serta asas pemikirannya berbeza mengikut pandangan alam setiap peradaban. Dalam Konfusianisme, pendidikan menekankan pembentukan moral individu sebagai asas kepada pembaharuan masyarakat dan pemerintahan yang baik. Tamadun India pula memberikan penekanan yang kuat terhadap pembangunan fizikal, moral, intelektual dan spiritual, dengan agama sebagai sumber utama pendidikan, walaupun akses pendidikan pada peringkat awal adalah terhad kepada golongan tertentu. Tamadun Yunani pula menekankan pembentukan manusia yang berilmu, rasional, bermoral dan mampu mencapai kehidupan yang baik dalam masyarakat dan negara. Berbeza dengan peradaban-peradaban tersebut, pendidikan Islam meletakkan tauhid dan wahyu sebagai asas utama dalam menentukan makna, sumber dan tujuan pendidikan. Dalam konteks Islam, pendidikan bukan sahaja bertujuan membangunkan intelek dan keupayaan manusia, tetapi turut menekankan pembinaan akhlak dan adab sebagai sebahagian daripada proses pembentukan insan. Matlamat akhirnya adalah supaya manusia mengenali hakikat Tuhan, memahami hakikat dan tujuan dirinya, serta mampu membangunkan alam berdasarkan tanggungjawabnya sebagai khalifah. Perbezaan ini menunjukkan bahawa pendidikan bukanlah suatu konsep yang neutral atau terpisah daripada falsafah kehidupan, sebaliknya sangat dipengaruhi oleh pandangan alam yang menjadi asas sesebuah peradaban.

3.0 Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah kajian kepustakaan (*library research*), analisis dokumen, diskusi ilmiah dan penyertaan dalam wacana bagi meneliti peranan pendidikan dalam membangunkan potensi insan berdasarkan perspektif peradaban manusia. Pendekatan ini dipilih kerana bersesuaian dengan fokus kajian yang meneliti konsep, falsafah, matlamat dan perkembangan pendidikan berdasarkan pemikiran serta pengalaman peradaban terdahulu. Pengumpulan data dilakukan melalui penelitian terhadap sumber primer dan sekunder. Sumber primer merangkumi al-Quran, khususnya ayat-ayat yang berkaitan dengan ilmu, pendidikan, proses pengajaran dan pembelajaran serta pembentukan insan. Antara ayat yang diteliti ialah Surah al-Baqarah ayat 31 yang menjelaskan pengajaran Allah SWT kepada Nabi Adam AS tentang nama-nama benda, Surah al-Zariyat ayat 56 dan Surah Al-Hijr ayat 28 sehingga 29 turut dirujuk bagi memahami tujuan penciptaan manusia sebagai asas kepada matlamat pendidikan dalam Islam. Manakala sumber sekunder pula merangkumi buku, artikel jurnal, penulisan akademik, dan sumber dokumentasi yang berkaitan dengan falsafah pendidikan dalam peradaban Cina, India Kuno, Yunani, dan Islam.

Kajian literatur terdahulu dilaksanakan untuk mengenal pasti pandangan sarjana tentang tujuan pendidikan, pembentukan keperibadian manusia, dan pembangunan potensi insan. Penelitian ini merangkumi konsep pendidikan Konfusianisme, Sistem Vedik, *Paideia* dalam peradaban Yunani serta pendidikan Islam yang berteraskan wahyu. Sumber-sumber yang berkaitan dengan konsep insaniah, humanisme Barat dan pendidikan insaniah turut diteliti bagi memahami persamaan serta perbezaan asas falsafah yang mempengaruhi matlamat pendidikan dalam pelbagai peradaban. Selain kajian kepustakaan, kajian ini turut menggunakan kaedah diskusi ilmiah serta penyertaan dalam wacana yang berkaitan dengan falsafah pendidikan, pemikiran peradaban, dan pembangunan potensi insan. Melalui diskusi dalam wacana, maklumat berkaitan pendidikan dan pembangunan potensi insan diperoleh daripada pelbagai sudut pandang, hujah serta perbahasan para sarjana, ahli akademik dan ahli wacana yang terlibat dalam perbincangan. Kaedah ini juga bertujuan memperluas pemahaman tentang isu-isu berkaitan falsafah pendidikan, termasuk hubungan antara sumber ilmu, matlamat pendidikan, pembentukan insan dan cabaran pendidikan kontemporari.

Data-data yang diperoleh dianalisis secara deskriptif dan perbandingan dengan meneliti kandungan, idea utama serta pandangan yang dikemukakan dalam sumber-sumber rujukan. Bagi ayat-ayat al-Quran yang berkaitan, penelitian dilakukan terhadap maksud ayat berdasarkan terjemahan dan tafsiran yang berautoriti untuk mengenal pasti prinsip pendidikan yang terkandung di dalamnya. Seterusnya, analisis perbandingan digunakan untuk mengenal pasti persamaan dan perbezaan dari segi pandangan terhadap hakikat manusia, sumber ilmu, matlamat pendidikan dan kaedah pembangunan potensi insan. Dapatan daripada penelitian al-Quran dan kajian literatur pula, kemudiannya dianalisis dan disintesiskan bagi menjelaskan kepentingan pendidikan dalam pembentukan potensi insan yang bersepadu seiring dengan kefahaman falsafah pendidikan insaniah. Hasil analisis ini menjadi asas kepada perbincangan tentang keperluan berpaksikan pendidikan insaniah dalam melahirkan insan budiman[2] yang mampu melaksanakan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT.

4.0 Konsep Insaniah dan Humanisme serta Implikasinya terhadap Makna Pendidikan

Peranan pendidikan dalam sesebuah peradaban adalah untuk membentuk manusia. Walaupun berbeza dari segi sumber ilmu, matlamat dan pandangan alam yang mendasarinya, pendidikan dalam setiap peradaban mempunyai peranan penting dalam pembentukan insan. Pendidikan bukan sekadar

[2] Kesepaduan malakah dan ilmu dalam seseorang individu mencerminkan makna budiman yang juga digunakan di alam manuskrip Melayu seperti *Ḥujjat al-Ṣiddīq li Daf'i al-Zindīq* karya *Nūr al-Dīn al-Rānīrī* yang membawa tiga makna iaitu budiman yang bijaksana, budiman yang beriman dan budiman yang tajam akalnya. Istilah-istilah "budi" banyak muncul dalam penulisan awal kitab-kitab akidah seperti terjemahan *ʿAqāʾid al-Nasafī* dan *Durr al-Farāʾid*; tulisan bercorak tasawuf oleh Ḥamzah Fanṣūrī; karangan berbentuk nasihat kepada pemerintah seperti *Tāj al-Salāṭin* oleh Bukhārī Jawharī dan juga karya lain al-Rānīrī, Bustān al-Salāṭīn.

proses penyampaian pengetahuan dan kemahiran, malah turut membentuk pemahaman manusia tentang hakikat dirinya, nilai kehidupan serta tanggungjawab terhadap masyarakat dan alam. Oleh itu, falsafah yang mendasari sesuatu sistem pendidikan penting untuk diteliti kerana falsafah tersebut menentukan manusia yang ingin dibentuk, potensi yang perlu dikembangkan dan tujuan yang ingin dicapai melalui pendidikan.

Perkembangan pendidikan moden, khususnya dalam konteks pengaruh pemikiran Barat dan sejarah kolonialisme, telah membawa perubahan terhadap orientasi dan matlamat pendidikan dalam pelbagai masyarakat. Dalam perkembangan ini, humanisme muncul sebagai salah satu aliran pemikiran yang memberikan penekanan kepada kebebasan dan keupayaan manusia dengan meletakkan manusia di peringkat tertinggi dan menafikan kewujudan Tuhan (Abd Rahman et al., 2020). Dalam konteks pendidikan, istilah '*humanism*' mula diperkenalkan pada tahun 1808 oleh seorang pensyarah di German, F. I. Niethammer yang digunakan bagi membezakan program pengajian yang bersifat kejuruteraan dan saintifik dengan program aliran sastera (Monfasani, 1998). Perkataan *human* berasal daripada Bahasa Latin iaitu '*humus*' yang bererti tanah atau bumi. Berdasarkan perkataan ini, juga telah muncul istilah 'homo' yang membawa maksud manusia dan 'humanus' yang bermaksud manusiawi. Kemudian, istilah tersebut dikembangkan lagi menjadi 'humilis' yang bermaksud kesederhanaan atau kerendahan hati. Menurut Copson (2015, seperti yang dipetik dalam Ahmad & Zakaria, 2022), istilah humanisme yang dipersetujui oleh kebanyakan organisasi kemanusiaan secara konsepnya ialah:

> *Humanism is a democratic and ethical life stance, which affirms that human beings have the right and responsibility to give meaning and shape to their own lives. It stands for the building of a more humane society through an ethic based on human and other natural values in the spirit of reason and free inquiry through human capabilities. It is not theistic, and it does not accept supernatural views of reality.*

Definisi humanisme di atas secara jelas menunjukkan bahawa manusia mempunyai kawalan penuh dalam menentukan tujuan hidup mereka sendiri tanpa perlu bergantung kepada kepercayaan kepada wujud Tuhan. Falsafah humanisme merupakan salah satu asas pemikiran yang mempengaruhi pendekatan pendidikan di peringkat antarabangsa. UNESCO, sebagai contoh, memperlihatkan pengaruh pemikiran humanisme dan humanisme saintifik dalam pendekatannya terhadap pendidikan, khususnya dalam memperjuangkan hak setiap manusia untuk memperoleh pendidikan. Penyebaran pemikiran ini berlaku melalui penulisan buku-buku yang mempromosikan humanisme sebagai kuasa dalam membuat keputusan. Buku-buku seperti *The Dispute between Philanthropinism and Humanism in the Theory of Educational Instruction of Our Time* tulisan Niethammer F. I. (1808) dan *Utopia* tulisan More, T. (1551) adalah contoh buku yang pada awalnya membahas pemusatan manusia sebagai pembuat keputusan. Pemikiran humanisme ini akhirnya berkembang secara ilmiah melalui tulisan dan teori yang tersebar dalam bidang pendidikan, psikologi, sosiologi, ekonomi, dan politik. Pengaruh ini mula dikesan tersebar sekitar tahun 1700 melalui pelbagai pendekatan dan model yang diperkenalkan (Huxley, 1946). Sigmund Freud (1856-1939), Lawrence Kohlberg (1927-1987), Albert Bandura (1925-sekarang), Carl Rogers (1902-1987), dan Abraham Maslow (1908-1970) adalah antara nama yang dikenali ramai melalui teori-teori pendidikan, psikologi, dan sosiologi yang diperkenalkan.

Dalam perspektif Islam, insan dilihat dalam konteks *insaniah*, di mana manusia hanya akan mencapai kemuncak keinsanan melalui ubudiyyah kepada Allah semata-mata. Insaniah juga bermaksud manusia tidak dibelenggu atau tidak tertakluk kepada eksploitasi oleh mana-mana entiti yang cuba mendakwa memiliki kuasa mutlak ke atas manusia lain (Abd Rahman et al., 2020). Manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan martabat, akal, kehendak dan potensi untuk membangunkan dirinya. Namun demikian, kedudukan manusia tidak hanya ditentukan oleh keupayaan fizikal atau intelektualnya, tetapi juga berkait rapat dengan dimensi kerohanian. Menurut al-Quran, manusia adalah

makhluk istimewa dan paling mulia di antara ciptaan-Nya. Al-Quran menggunakan istilah khusus untuk menggambarkan kesempurnaan ciptaan manusia. Dalam situasi yang lain Allah menyatakan bahawa Dia mencipta dan mengelokkan rupa bentuk mereka. Penciptaan manusia dari segi bentuk fizikal yang indah disempurnakan dengan satu unsur yang abstrak iaitu unsur roh. Hal ini dirakamkan oleh Allah dalam al-Quran dalam surah al-Hijr yang bermaksud:

> "*Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, Yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. "Kemudian apabila aku sempurnakan kejadiannya, serta aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepada-Nya"* (Al-Hijr:28-29)

Makna insan menurut Islam merujuk kepada manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT yang dikurniakan pelbagai potensi, termasuk kebebasan, keupayaan intelektual dan dimensi spiritual. Manusia juga mempunyai keupayaan untuk menentukan kedudukannya sendiri, sama ada mencapai kemuliaan atau terjerumus dalam kehinaan. Kecenderungan terhadap unsur tanah menggambarkan manusia sebagai *basyar,* iaitu makhluk biasa yang memiliki sifat jasmani dan keperluan biologinya. Sebaliknya, dimensi kerohanian yang dikaitkan dengan peniupan roh oleh Allah SWT mengangkat martabat manusia sebagai insan yang berupaya mengembangkan potensi dirinya. Menurut Md Rasip (2022), keupayaan manusia mengembangkan tiga sifat yang dikaitkan dengan sifat *ilahiyyah* (ketuhanan), iaitu kesedaran diri (keupayaan mengenali diri), kebebasan berkehendak (keupayaan membuat pilihan) dan kreativiti (keupayaan menghasilkan sesuatu yang baharu), membolehkan manusia melaksanakan tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi.

Oleh yang demikian, kajian ini meneliti perbezaan asas antara humanisme Barat dan *Insaniah* dalam Islam melalui empat dimensi utama, iaitu: (i) hakikat manusia, (ii) sumber nilai dan pengetahuan, (iii) matlamat pendidikan, dan (iv) hubungan manusia dengan alam. Dimensi-dimensi ini penting kerana memahami makna insan menentukan bagaimana pendidikan dilaksanakan serta mempengaruhi jenis keupayaan yang diutamakan dan tujuan penggunaannya. Islam membawa kefahaman bahawa manusia adalah makhluk ciptaan Allah SWT yang memiliki dimensi jasmani, akal, rohani dan moral. Manusia mempunyai keupayaan untuk berfikir, memilih dan bertindak. Namun, kebebasan tersebut disertai tanggungjawab terhadap Allah SWT serta makhluk lain. Berbanding dengan humanisme Barat, khususnya sekularisme, penekanan lebih diberikan kepada keupayaan manusia untuk menggunakan akal, pengalaman dan pertimbangan sendiri dalam membentuk nilai kehidupannya. Perbezaan ini mempengaruhi pemahaman tentang pembangunan potensi insan. Hal ini boleh disimpulkan bahawa ajaran Islam menuntut pembangunan manusia yang menyeluruh dan berteraskan tanggungjawab kepada Allah SWT. Manakala, pendekatan humanisme tertentu memberikan perhatian utama hanya kepada perkembangan individu, autonomi dan kesejahteraan manusia.

Dari segi sumber ilmu pula, Islam mengiktiraf peranan akal, pengalaman dan pemerhatian dalam memperoleh ilmu, serta menegaskan kepentingan wahyu (Al-Attas, 1979; Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah, 2023). Sebaliknya, dalam humanisme sekular, penentuan nilai lebih banyak berasaskan pertimbangan manusia, rasionaliti dan pengalaman tanpa menjadikan wahyu sebagai sumber autoritatif. Perbezaan ini membawa implikasi terhadap pendidikan kerana sumber autoriti yang diterima mempengaruhi kandungan ilmu, pertimbangan moral dan matlamat yang ingin dicapai melalui proses pembelajaran.

Dari segi tujuan pendidikan, Islam menekankan pembentukan insan yang berilmu, beriman dan beradab. Pendidikan berperanan dalam mengembangkan potensi manusia agar dapat memahami kedudukannya sebagai hamba dan melaksanakan amanah sebagai khalifah seperti mana dalam firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 30 dan surah Hud ayat 61. Dalam pendekatan humanisme, pendidikan sering memberikan perhatian kepada perkembangan individu, kebebasan berfikir, kreativiti

dan aktualisasi kendiri. Kedua-dua pendekatan mengiktiraf kepentingan perkembangan potensi manusia, tetapi berbeza dari segi kerangka yang menentukan tujuan akhir perkembangan tersebut. Dalam kerangka *Insaniah*, pendidikan dalam Islam menekankan pengembangan potensi manusia yang seimbang agar bergerak seiring dengan pembentukan akhlak, penghayatan nilai, dan kesedaran akan tujuan kewujudan. Akal yang dikurniakan Allah SWT membolehkan manusia memahami dan meneroka alam serta mengembangkan kreativiti untuk menghasilkan penyelesaian terhadap permasalahan kehidupan (Ibn Khaldun, 1958). Keupayaan berfikir dan membuat pilihan ini membolehkan manusia menggunakan kebebasannya dalam lingkungan tanggungjawab moral (Al-Attas, 1980). Pendekatan ini membolehkan ilmu dan kemahiran diarahkan kepada usaha menegakkan keadilan, memelihara kesejahteraan masyarakat serta mengurus alam dengan penuh amanah (Al-Attas, 1980; Halstead, 2004; Wan Daud, 1998). Oleh karena itu, pendidikan bukan sekadar membentuk manusia yang mampu mencapai kemajuan, tetapi juga manusia yang memiliki pertimbangan tentang jenis kemajuan yang wajar untuk diusahakan.

Kesimpulannya, perbandingan antara konsep *Insaniah* dan humanisme memperlihatkan bahawa persoalan penting dalam pendidikan bukan sekadar bagaimana potensi manusia dapat dikembangkan, tetapi juga apakah asas yang menentukan arah dan tujuan perkembangan tersebut. Humanisme yang dibawa oleh Barat merangkumi pelbagai aliran yang menyumbang kepada pemahaman tentang martabat, kebebasan dan keupayaan manusia. Manakala perspektif Islam meletakkan pembangunan manusia dalam kerangka tauhid, wahyu, dan tanggungjawab sebagai hamba serta khalifah. Perbezaan antara kedua-dua falsafah ini mempengaruhi pemahaman tentang hakikat manusia, sumber nilai, tujuan pendidikan dan hubungan manusia dengan alam. Dalam hal ini, pendekatan Islam menuntut agar pembangunan potensi insan mencapai makna yang lebih menyeluruh apabila ilmu, kebebasan, dan kreativiti dipandu oleh nilai tauhid supaya keupayaan manusia dapat dimanfaatkan demi kesejahteraan ummah.

5.0 Realiti Pendidikan Hari Ini Menghambat Pembinaan dan Ledakan Potensi Sebenar Insan

Krisis pendidikan yang timbul dalam masyarakat dan dunia hari ini bermula daripada ketidaksepaduan epistemologi pendidikan iaitu apabila sistem pendidikan menduplikasi acuan falsafah Barat yang berasaskan humanisme yang tidak membawa manusia mengenali hakikat kewujudannya sebagai manusia dan khalifah. Kesan ketara ketidaksepaduan epistemologi ilmu ialah dikotomi dalam pendidikan. Manakala kesan yang terbit daripada dikotomi ini adalah berlakunya reduktionisme ilmu, di mana ilmu dilihat secara asing dan terpecah-pecah tanpa wujud kesepaduan antara ilmu-ilmu yang pelbagai (Zalani, 2026). Akhirnya, kesan reduktionisme ilmu ini menghasilkan ilmuan yang hanya fokus kepada sesebuah bidang secara spesifik tanpa ada pengetahuan langsung tentang perkara lain di luar bidangnya. Situasi ini tidak bertepatan dengan ekosistem ilmu yang wujud pada ulama Islam silam , di mana hampir semua ulama Islam menguasai pelbagai bidang ilmu dalam satu-satu masa (Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR, 2023).

Selain itu, faktor luaran seperti keterikatan pendidikan pada acuan Barat menyebabkan hasil pendidikan hari ini banyak mengangkat nilai-nilai "*commercialization*" yang hanya memberi keuntungan bagi golongan elit global kapitalis (Jessop, 2018). Orientasi sistem pendidikan hari ini yang dinaungi oleh sistem Barat yang mengangkat humanisme telah menafikan kewujudan dan kekuasaan Tuhan, seterusnya memisahkan manusia daripada agama sekaligus tidak mampu melahirkan insan yang mengenal erti kewujudan Pencipta dan dirinya (Mohd Salleh, 2024).

Kesannya, aspek keilmuan yang menjadi teras insan tidak lagi menjadi matlamat tertinggi yang perlu dicapai dalam kalangan penuntut ilmu. Produk pendidikan seharusnya dapat mengangkat kemuliaan

insan sebagai khalifah yang dikurniakan kehendak *(iradah*), akal, dan potensi yang memberikan keupayaan kepada manusia untuk membezakan antara yang benar dan yang salah, serta antara yang baik dan yang buruk (Abd Rahman et al., 2020 ; Md Rasip, 2022). Akal manusia dapat memahami, berfikir, belajar, merancang agenda besar, dan boleh menyelesaikan pelbagai masalah kehidupan. Namun, kesemua aspek ini diabaikan dan ini menyumbang kepada kerapuhan sistem asas dalam pendidikan.

6.0 Makna dan Tinjauan Pendidikan Insaniah

Menurut al-Quran, pendidikan merupakan satu proses untuk membawa manusia mengenal Tuhannya dan hakikat penciptaannya sebagai hamba dan khalifah di atas muka bumi ini. Hal ini boleh dilihat melalui paradigma pendidikan dalam al-Quran yang memberi fokus tentang tujuan Allah menciptakan manusia adalah untuk penyerahan diri secara ikhlas kepada Pencipta mereka (iaitu Allah s.w.t) agar dapat mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat sebagaimana firman Allah (al-Zariyat 51: 56) yang bermaksud *"Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu."*

Justeru, pendidikan insaniah ialah pembinaan dalam meledakan potensi individu secara bersepadu, seimbang dan berterusan ke arah melahirkan malakah insaniah yang budiman. Pembinaan potensi individu merujuk kepada kefahaman, kemahiran, kemahiran insaniah, sikap, tingkah laku, keupayaan, bakat dan anugerah di dalam diri individu. Manakala secara bersepadu merujuk kepada sumber pendidikan insaniah yang bersumberkan *nusus syarak*, *aqal imani* dan pengalaman peradaban umat silam. Seimbang merujuk kepada tawazun (seimbang), takamul (melengkapi), *al-Iijabiyyah* (positif), *al-Sawiyah* (setara), *al-Waqi'iyyah* (praktikal) dan *al-Mithaliyyah* (ideal). Pendidikan insaniah diperlukan untuk mencapai tujuan terakhir pendidikan itu sendiri iaitu *ubudiyyah* kepada Allah yang merupakan kunci manusia mencapai memahami hakikat dirinya bagi mencapai kemuncak keinsanan, membangunkan kesempurnaan, kemuliaan hidup, ketinggian martabat insan serta kebahagiaan dunia dan akhirat (Abd. Rahman et al., 2020; Md Rasip, 2022; Al-Attas, 1980).

Hasil daripada pendidikan insaniah akan melahirkan malakah insaniah yang terdiri daripada tujuh malakah iaitu (*taat, imaniyah, ilmiyyah, sina'iyyah, lisaniyah, jasadiah, qiyadiah*) yang membentuk peribadi insan budiman. Istilah malakah daripada segi bahasa ialah kata terbitan bagi "malaka" yang dinisbahkan kepada Allah sebagai Raja pemilik sekalian alam. Manakala "Malakah" dieertikan sebagai "dimilikinya." Malakah juga beerti "mauhibah" iaitu bakat ataupun sifat yang tertanam dalam diri (صفة راسخة في النفس). Penekanan malakah juga bermaksud yang berurat berakar, sebagai hasil belajar atau mengerjakan sesuatu berulangkali, sehingga hasil belajar dalam bentuk pekerjaan itu dengan kukuh tertanam dalam jiwa justeru akan membentuk insan budiman yang sinonim dengan makna orang yang berbudi dan istilah budi yang bermaksud lubb.

Malakah tidak boleh dibentuk dan diusahakan kecuali dengan mengulangi-ulangi perbuatan, dan pengulangan perbuatan semakin bertambah serta membentuk malakah, iaitu sifat yang sebati. Sebahagian penulis menggambarkan makna-makna malakah sebagai "malakah ialah *idrak, makrifah* dan ilmu" (Al-Amin Al-Na'miy, 1974). Keperluan penguasaan kesemua malakah ini akan membentuk sosok insan yang disebut sebagai insan budiman.

7.0 Kesimpulan

Secara keseluruhan, pendidikan bukanlah sekadar instrumen mekanistik untuk menyampaikan ilmu atau memenuhi keperluan pasaran tenaga kerja global. Sebaliknya, aspek pendidikan merupakan paksi utama pembentukan peradaban dan penentu jatuh bangun sesebuah bangsa. Sebagaimana dibuktikan

dalam pelbagai peradaban dunia, acuan pendidikan sangat bergantung pada pandangan alam (*worldview*) yang mendasarinya. Realiti pendidikan moden yang menduplikasi acuan humanisme sekular dan materialistik telah melahirkan krisis dikotomi ilmu, meminggirkan dimensi kerohanian, dan gagal meledakkan potensi insan secara holistik. Justeru, mengangkat tauhid dan Wahyu sebagai teras pendidikan amat penting bagi memerdekakan manusia daripada belenggu materialisme (*taḥrīr al-basyariyyah*) dan mengembalikan mereka kepada hakikat keinsanan yang hakiki (*ḥaqīqatul insan*). Matlamat ini dizahirkan menerusi Pendidikan Insaniah yang mengintegrasikan pemantapan tujuh malakah utama untuk melahirkan 'insan budiman' yang seimbang dari segi jasmani, rohani, intelek dan moral. Hasilnya, ledakan potensi insan mencapai kemuncaknya apabila ilmu dan amal disepadukan dalam kerangka *'ubūdiyyah* kepada Allah SWT demi membawa rahmat kepada ummah dan peradaban. Sehubungan dengan itu, berdasarkan faham falsafah Insaniah yang mendasari kajian ini, penyelidikan pada masa hadapan perlu ditumpukan kepada pembangunan kerangka model Pendidikan Insaniah yang konkrit dan sistematik, merangkumi aspek kurikulum, pedagogi, pentaksiran serta persekitaran pendidikan yang berteraskan tauhid dan wahyu. Selain itu, kajian lanjutan juga perlu dilaksanakan bagi membangunkan kaedah pelaksanaan dan penilaian yang bersesuaian dalam mengukur keberhasilan tujuh malakah utama bagi membentuk insan budiman.

Penghargaan

Penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah (PEMIKIR) dan Pertubuhan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) yang menyokong penyelidikan ini, serta kepada panel pakar yang menyumbangkan pandangan dalam siri perbincangan yang dijalankan.

Rujukan

Abd Rahman, A. Z., Abd Wahab, A., Hamzah, M. I., Mohd Salleh, N., & Mohd Nasir, A. I. (2020). *Tajdid falsafah peradaban Islam*. Penerbit ISMA.

Abdullah, W. M. S. (1996). *Tafsir puisi Hamzah Fansuri dan karya-karya shufi*. Khazanah Fathaniyah.

Al-Amin Al-Na'miy, A. (1974). *Kaedah dan teknik pengajaran menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Attas, S. M. N. (1970). *The mysticism of Ḥamzah Fanṣūrī*. University of Malaya Press.

Al-Attas, S. M. N. (Ed.). (1979). *Aims and objectives of Islamic education*. Hodder and Stoughton; King Abdulaziz University.

Al-Attas, S. M. N. (1980). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Muslim Youth Movement of Malaysia (ABIM).

Al-Attas, S. M. N. (1986). *A commentary on the Ḥujjat al-Ṣiddīq of Nūr al-Dīn al-Rānīrī: Being an exposition of the salient points of distinction between the positions of the theologians, the philosophers, the Ṣūfīs and the pseudo-Ṣūfīs on the ontological relationship between God and the world and related questions*. Ministry of Culture Malaysia.

Al-Attas, S. M. N. (2025). *The oldest known Malay manuscript: A 16th century Malay translation of the ʿAqāʾid of al-Nasafī*. Ta'dib International. (Original work published 1988)

Al-Raniri, N. (1992). *Bustan al-Salatin* (Siti Hawa Haji Salleh, Ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1638)

AP Podcast. (2023, March 3). *Rockefeller: Kekayaan & misi penguasaan dunia* (Episod 10) [Video]. YouTube. https://www.youtube.com/watch?v=sof2FiJnJY0

Aristotle. (1998). *Politics* (C. D. C. Reeve, Trans.). Hackett Publishing. (Original work published ca. 350 B.C.E.)

Bukhari al-Jauhari. (1992). *Taj us-salatin* (Khalid M. Hussain, Ed.; 2nd ed.). Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1603)

Confucius. (1979). *The Analects* (D. C. Lau, Trans.). Penguin Books. (Original work published ca. 500 B.C.E.)

Curren, R. (2010). Aristotle's educational politics and the Aristotelian renaissance in philosophy of education. *Oxford Review of Education*, *36*(5), 543–559. https://doi.org/10.1080/03054985.2010.514434

Elias, A. (2020). Menilai kembali faham "budi" melalui bacaan teks-teks manuskrip Melayu hingga kurun ke-18: Suatu penelitian awal. *TAFHIM: IKIM Journal of Islam and the Contemporary World*, *13*(1), 113–148. https://doi.org/10.56389/tafhim.vol13no1.5

Gardner, D. K. (2007). *The Four Books: The basic teachings of the later Confucian tradition*. Hackett Publishing.

Graham, A. C. (1989). *Disputers of the Tao: Philosophical argument in ancient China*. Open Court.

Halstead, J. M. (2004). An Islamic concept of education. *Comparative Education*, *40*(4), 517–529. https://doi.org/10.1080/0305006042000284510

Han Feizi. (2003). *Han Feizi: Basic writings* (B. Watson, Trans.). Columbia University Press. (Original work published ca. 250 B.C.E.)

Huxley, J. (1946). *UNESCO: Its purpose and its philosophy*. Preparatory Commission of the United Nations Educational, Scientific and Cultural Organisation. https://unesdoc.unesco.org/ark:/48223/pf0000068197

Ibn Khaldun. (1958). *The Muqaddimah: An introduction to history* (F. Rosenthal, Trans.; Vols. 1–3). Pantheon Books. (Original work published 1377)

Ibn Khaldun. (2002). *Mukadimah Ibnu Khaldun*. Dewan Bahasa dan Pustaka. (Original work published 1377)

IRIS Institute. (2024). *Latar geopolitik dunia*. Bangi: IRIS Institute.

Jaeger, W. (1945). *Paideia: The ideals of Greek culture: Vol. 1. Archaic Greece, the mind of Athens* (G. Highet, Trans.; 2nd ed.). Oxford University Press.

Jessop, B. (2018). On academic capitalism. *Critical Policy Studies*, *12*(1), 104–109. https://doi.org/10.1080/19460171.2017.1403342

Kim, H.-K. (2003). Critical thinking, learning and Confucius: A positive assessment. *Journal of Philosophy of Education*, *37*(1), 71–87. https://doi.org/10.1111/1467-9752.3701005

Krasnodębski, M. (2022). Classical paideia as the integral cultivation of the human being. *Edukacja*, *4*(163), 40–48. https://doi.org/10.24131/3724.220402en

Kumari, P. (2017). Education system in Vedic period. *Journal of Emerging Technologies and Innovative Research*. https://www.academia.edu/86671153/Education_System_in_Vedic_Period

Laozi. (1963). *Tao te ching* (D. C. Lau, Trans.). Penguin Books. (Original work published ca. 400 B.C.E.)

Mao, Z. (1965). *Selected works of Mao Tse-tung* (Vol. 1). Foreign Languages Press.

Marrou, H.-I. (1948). *Histoire de l'éducation dans l'antiquité*. Éditions du Seuil.

Md Rasip, O. (2022, March 23). *Hanya peradaban Islam menjamin kemuliaan insan*. AKALWAHYU. https://akalwahyu.com/hanya-peradaban-islam-menjamin-kemuliaan-insan/

Miller, A. (2007). Rhetoric, paideia and the old idea of a liberal education. *Journal of Philosophy of Education*, *41*(2), 183–206.

Mills, C. W. (1956). *The power elite*. Oxford University Press.

Mishra, S. (2021). Education in ancient China. *Educational Administration: Theory and Practice*, *27*(4), 1398–1400. https://doi.org/10.53555/kuey.v27i4.10707

Mohamed Noh, A. M. (2010). *Falsafah pendidikan menurut Ibn Khaldun dan John Dewey: Kajian perbandingan* [Master's thesis, Universiti Malaya]. https://knova.um.edu.my/cgi/viewcontent.cgi?article=5043&context=student_works_2010s

Mohd Salleh, N. (2024). *Ancaman pemikiran pascamoden*. Pusat Kajian dan Pemikiran Ummah.

Mohd Shahran, M. F. (2023). *Pendidikan dan peradaban*. Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Monfasani, J. (1998). Humanism, Renaissance. In E. Craig (Ed.), *Routledge encyclopedia of philosophy*. Routledge. https://doi.org/10.4324/9780415249126-C018-1

Mookerji, R. K. (1969). *Ancient Indian education: Brahmanical and Buddhist* (4th ed.). Motilal Banarsidass.

More, T. (1551). *A fruteful, and pleasaunt worke of the beste state of a publyque weale, and of the newe yle called Utopia* (R. Robynson, Trans.). Abraham Vele. (Original work published 1516)

Nandram, S. S., Joshi, A., Sukhada, & Dhital, V. (2021). Delivering holistic education for contemporary times: Banasthali Vidyapith and the Gurukula system. *International Journal of Business and Globalisation*, *29*(2), 222–247. https://doi.org/10.1504/IJBG.2021.118235

Niethammer, F. I. (n.d.). *The dispute between Philanthropinism and humanism in the theory of educational instruction in our time* [Excerpt] (K. Dell'Orto, Trans.). German History Intersections. Retrieved October 30, 2026, from https://germanhistory-intersections.org/en/knowledge-and-education/ghis:document-132 (Original work published 1808)

Plato. (1992). *Republic* (G. M. A. Grube, Trans.; C. D. C. Reeve, Rev.). Hackett Publishing. (Original work published ca. 380 B.C.E.)

Pusat Kajian Pemikiran dan Peradaban Ummah. (2023, June 19). *Diskusi "Dikotomi ilmu agama dan ilmu sains"*. https://pemikir.com.my/diskusi-dikotomi-ilmu-agama-dan-ilmu-sains/

The Rig Veda: An anthology (W. Doniger O'Flaherty, Trans.). (1981). Penguin Books. (Original work published ca. 1200 B.C.E.)

Robinson, W. I., & Harris, J. (2000). Towards a global ruling class? Globalization and the transnational capitalist class. *Science & Society*, *64*(1), 11–54.

Säfström, C. A. (2019). Paideia and the search for freedom in the educational formation of the public of today. *Journal of Philosophy of Education*, *53*(4), 607–618.

Sahin, A. (2018). Critical issues in Islamic education studies: Rethinking Islamic and Western liberal secular values of education. *Religions*, *9*(11), Article 335. https://doi.org/10.3390/rel9110335

Sardar, Z., & Henzell-Thomas, J. (2017). *Rethinking reform in higher education: From Islamization to integration of knowledge*. International Institute of Islamic Thought. https://iiit.org/wp-content/uploads/2024/01/Rethinking-Reform-in-Higher-Education-4.pdf

Scharfe, H. (2002). *Education in ancient India*. Brill.

Schram, S. (1989). *The thought of Mao Tse-tung*. Cambridge University Press. https://doi.org/10.1017/CBO9780511521454

Sun, Q. (2008). Confucian educational philosophy and its implication for lifelong learning and lifelong education. *International Journal of Lifelong Education*, *27*(5), 559–578.

Tan, C. (2017). A Confucian perspective of self-cultivation in learning: Its implications for self-directed learning. *Journal of Adult and Continuing Education*, *23*(2), 250–262. https://doi.org/10.1177/1477971417721719

Thakur, S. (2026). Holistic education in ancient India: A study of the Gurukul system. In *Essence of Indian knowledge systems: Culture, science, and spirituality*. Redshine Publication. https://doi.org/10.25215/110523522X.09

Upaniṣads (P. Olivelle, Trans.). (1996). Oxford University Press. (Original work published ca. 600 B.C.E.)

Wan Daud, W. M. N. (1998). *The educational philosophy and practice of Syed Muhammad Naquib al-Attas: An exposition of the original concept of Islamization*. International Institute of Islamic Thought and Civilization.

Wang, F. (2004). Confucian thinking in traditional moral education: Key ideas and fundamental features. *Journal of Moral Education*, *33*(4), 429–447. https://doi.org/10.1080/0305724042000327984

Zalani, F. (2026, February 4). *Reduksionisme meruntuhkan faham kita tentang ilmu*. AKALWAHYU. https://akalwahyu.com/reduksionisme-meruntuhkan-faham-kita-tentang-ilmu-2/